

## **Hubungan Antara sejarah Silam Dengan Perkembangan Personaliti Di Kalangan Pelajar Bandar dan luar bandar**

**Azizi Hj. Yahaya  
Norimah Ismail  
Fakulri Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana hubungan di antara sejarah silam terhadap perkembangan personaliti di kalangan pelajar bandar dan luar bandar. Sejarah silam dikaji melalui soalselidik berdasarkan empat faktor yang didapati memberi pengaruh iaitu faktor keluarga, rakan, sekolah dan persekitaran. Personaliti yang dikaji ialah agresif, ekstroversi, introversi, kritik diri dan sokongan. Sampel yang terpilih adalah secara rawak yang terdiri daripada 100 orang pelajar tingkatan empat dan lima yang berumur dalam lingkungan 16 dan 17 tahun. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai mewakili pelajar bandar dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Ulu Tebrau mewakili pelajar luar bandar.

Hasil dapatan kajian rintis yang dijalankan ke atas Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti (II) mendapati tahap kebolehppercayaan (*Alpha Croanbach*) ialah 0.7. Data dianalisis menggunakan program SPSS Versi 10.0 untuk mencari kekerapan, peratus, min, Ujian T dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sejarah silam dengan perkembangan personaliti pelajar.

---

### **1.0 Pengenalan**

Masyarakat dewasa ini sering mengaitkan masalah sosial dengan masalah remaja. Masalah remaja ini pula tidak lepas dari dikaitkan dengan beberapa aspek dan faktor yang mana salah satunya ialah personaliti dan latarbelakang pelajar itu sendiri.

Seperti yang tersiar di akhbar rata-rata kini menyetengahkan isu-isu sensasi dan mengejutkan berkenaan jenayah dan sosial remaja. Kes peras ugut sehingga melibatkan pembunuhan, kes rogol juga melibatkan pembunuhan, kes gaduh-amuk sehingga melibatkan kecederaan dan banyak lagi. Kes terbaru kini yang menggemparkan rakyat Malaysia ialah kegiatan Black Metal yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah agama yang mana ia mula dikesan di Kedah. Bagaimana remaja-remaja ini boleh terlibat dan bertindak sedemikian? Mengapa mereka memberontak melulu tanpa menilai tindakan dan risiko yang bakal mereka hadapi? Ke mana hilangnya kewarasan dan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. selama ini?

Hasil daripada persoalan dan kontroversi yang timbul, maka dari situ bermula usaha untuk mengkaji bidang personaliti ini dengan lebih mendalam lagi untuk mencari penjelasan bagaimana terbentuknya personaliti individu itu sehinggakan remaja ini boleh bertindak sedemikian rupa. Bahkan kajian ini juga turut mengkaji remaja yang bersifat kontra dengan ciri di atas tadi yakni seperti pasif; menarik diri namun tedapat pula individu yang bertindak agresif secara senyap, mengejut dan pelbagai lagi. Remaja seperti ini juga sebenarnya lebih berbahaya berbanding remaja yang memperlihatkan sifat dan tingkahlaku mereka secara terang-terangan kerana mereka ini mengaburi mata masyarakat dengan berselindung di sebalik personaliti mereka yang sedemikian.

## **2.0 Latarbelakang Masalah**

Personaliti merupakan satu aspek penting dalam pembentukan diri manusia. Maslow (1971) menyatakan terdapat lima peringkat keperluan manusia. Peringkat tertinggi ialah hasrat untuk mencapai kesempurnaan sendiri (*self-actualization*). Ia terjadi di saat kita merasa seronok dan puas. Namun, dalam proses mencapai ke arah itu, remaja biasanya menyalahgunakan konsep tersebut untuk tujuan lain yang negatif.

Sehubungan dengan itu juga apa-apa faktor, elemen dan juga pembolehubah yang mempengaruhi persekitaran perlakuan remaja disama ertikan kepada pendorong perlakuan tersebut. Dalam konteks ini, semua tahap perkembangan remaja dipersalahkan dan terus dipersoalkan yang sekaligus meliputi ibubapa, sekolah, keluarga, rakan-rakan dan persekitaran; tiada apa yang terlepas dalam hal ini. Masing-masing menuding jari dari perspektif yang agak negatif untuk mendedahkan kesalahan dan kelemahan sesuatu pihak. Tidak ramai yang berani mendedahkan kelemahan sendiri dan bertanggungjawab kepada sumbangan yang diberikan kepada trend perlakuan sosial yang negatif ini.

Menurut Nor' Ain (1999), masalah tingkahlaku di kalangan pelajar merupakan satu cabaran kepada negara yang mengorak kemajuan dalam kepesatan pembangunan. Penggunaan guna tenaga manusia secara optimum menyumbangkan beberapa senario terhadap perkembangan tingkahlaku anak-anak atau remaja. Ketidakselarasan tingkahlaku dalam merealisasikan penerapan nilai-nilai murni menggambarkan kepincangan. Ini bermakna berlaku kepincangan di antara sistem pendidikan dan juga penglibatan beberapa golongan yang mempunyai kepentingan dengan diri pelajar. Ibubapa, adik-beradik, saudara-mara, rakan sebaya serta guru-guru turut terlibat

dalam proses penjanaan bangsa untuk memartabatkan kemajuan seganding dengan negara lain.

Masalah tingkahlaku yang biasa berlaku di kalangan kanak-kanak sekolah merangkumi jangkaan masa depan mereka yang negatif, pencapaian akademik dan penghargaan sendiri yang rendah, beberapa gangguan emosi serta beberapa masalah harian yang mengakibatkan kepada masalah disiplin di sekolah. Pelajar-pelajar yang menghadapi masalah tingkahlaku dikhuatiri akan menceburkan diri dalam kegiatan negatif sewaktu berada di luar sekolah seperti berfoya-foya, berjudi dan menyalahgunakan dadah. Keadaan yang membahayakan ini akan terus berleluasa jika langkah-langkah pencegahan serta pemulihan tidak diambil segera.

Tingkahlaku seseorang bukan sahaja dapat dilihat dari apa yang ditunjukkan tetapi juga melalui keadaan dalaman serta fisiologi manusia. Ini berlaku kerana tingkahlaku itu digerakkan dari diri individu di peringkat bayi dan awal kanak-kanak sehingga akhirnya menjadi kenyataan untuk tujuan-tujuan tertentu di masa dewasa kelak.

Menurut Amina (1997), memang tidak dapat dinafikan alam remaja adalah alam yang mesti ditempuh oleh setiap individu waktu remaja adalah waktu untuk mencuba, oleh itu jika remaja sering lalai menggunakan waktu remajanya dengan baik, dia akan berasa menyesal seumur hidup. Waktu muda adalah waktu untuk mengenal diri. Penampilan yang sihat menunjukkan cara-cara positif untuk mengendalikan hidup. Cara yang positif boleh mendorong individu ke haluan yang boleh menghasilkan erti hidup yang lebih bermakna dan bermoral demi membentuk satu bangsa yang maju dan terhormat.

### **3.0 Pernyataan Masalah**

Masalah-masalah sosial yang berlaku hari ini membawa kepada pelbagai spekulasi dan persoalan kepada masyarakat tentang mengapa dan bagaimana ia boleh berlaku dan semakin berleluasa sehingga ke tahap yang membimbangkan seperti yang terjadi rata-rata kini. Adakah disebabkan cara didikan ibubapa itu sendiri? Pengaruh rakan sebaya? Media massa? Persekitaran? Atau disebabkan arus pembangunan yang tanpa batasan kini?.

Mengupas dari persoalan yang timbul, kajian terhadap bidang personaliti ini diharapkan dapat menjawab persoalan dari fenomena-fenomena yang wujud ini. Masalah perkembangan diri, sosial mahupun jenayah yang berlaku di kalangan remaja bermula daripada masalah pembentukan dan penyesuaian personaliti seseorang remaja atau pelajar itu. Titik tolak dari aspek itu maka membawa ke arah pengenalan kepada tekanan emosi, kebimbangan dan sebagainya yang seterusnya bermulalah kepada bibit-bibit gejala sosial dan pelbagai lagi. Mendalami personaliti pelajar merupakan tunjang memahami masalah pokok remaja itu sendiri.

Masyarakat moden mempunyai segolongan ahli yang ditugaskan menjadi pembimbing untuk menunjukkan arah kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah personaliti. Negara-negara membangun memerlukan tenaga profesional dan tenaga kerja yang ramai di berbagai-bagai peringkat dan lapangan. Oleh itu, kaunselor-kaunselor di sekolah hendaklah menumpukan perhatian mereka kepada masalah-masalah kanak-kanak dan para remaja yang sedang membesar menerusi kaunseling peribadi dan sosial.

#### **4.0 Objektif Kajian**

- 1 Mengetahui hubungkait sejarah silam dengan perkembangan personaliti pelajar
- 2 Mengetahui faktor-faktor penyumbang dari sejarah silam yang memberi kesan terhadap perkembangan personaliti pelajar.
- 3 Mengetahui jenis personaliti yang dominan di kalangan pelajar.

#### **5.0 Persoalan Kajian**

- 1 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara sejarah silam dengan perkembangan personaliti pelajar ?
- 2 Apakah faktor-faktor dari sejarah silam yang paling berpengaruh terhadap perkembangan personaliti pelajar?
- 3 Apakah jenis personaliti yang paling berpengaruh hasil daripada kesan sejarah silam individu?
- 4 Adakah terdapat perbezaan hubungan di antara sejarah silam dengan perkembangan personaliti di kalangan pelajar bandar dan luar bandar?

#### **6.0 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada kaunselor dan guru supaya lebih memahami diri dan personaliti pelajar dengan lebih dekat lagi; yang mana tidak melabel atau menghukum seseorang pelajar itu dengan melulu atau sesuka hati tanpa melihat serta mengetahui latar belakang individu itu terlebih dahulu.

Kajian ini juga diharap dapat memberi panduan kepada ibubapa dalam proses mendidik anak-anak mereka kerana didikan awal memainkan peranan penting dalam pembentukan personaliti seseorang individu. Sahsiah anak yang baik adalah hasil daripada corak didikan ibubapa.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pelajar agar dapat memperbaiki sahsiah, disiplin dan konsep sendiri mereka agar menjadi remaja yang sihat dari segi mental, fizikal, rohani dan sahsiah; rasional dan matang dalam menghadapi kenyataan hidup; yang tidak menyalahkan sejarah silam yang berlaku terhadap diri mereka semata.

#### **7.0 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah sekitar Johor Baharu bagi memudahkan penyelidik berulang-alik ke dua-dua buah sekolah yang dipilih. Sekolah yang dipilih pula terbahagi kepada dua kategori yakni sekolah menengah bandar dan luar bandar bagi mengkaji perbezaan yang terdapat daripada kategori tersebut. Sekolah-sekolah yang dipilih tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai dan Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Felda Ulu Tebrau.

#### **8.0 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan soa; selidik sebagai alat kajian. Statistik digunakan berbentuk inferensi yang menggunakan korelasi Pearson yang mempunyai nilai  $r$  bertujuan untuk melihat hubungan serta kesan sejarah silam (pembolehubah tidak bersandar) terhadap perkembangan personaliti pelajar (pemboleh ubah bersandar). Untuk mendapatkan data mengenai pemboleh ubah-pembolehubah yang diuji,

soalselidik dan ujian telah diberikan. Penggunaan Ujian T ( *T-Test* ) bentuk *Independent T Test* turut digunakan untuk melihat perbezaan hubungan di antara sejarah silam terhadap perkembangan personaliti di antara pelajar bandar dan luar bandar.

### **9.0 Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah di sekitar Johor Baharu bagi memudahkan pengkaji berulang-alik ke dua-dua buah sekolah yang dipilih. Sekolah yang dipilih pula terbahagi kepada dua kategori yakni sekolah menengah bandar dan sekolah menengah luar bandar bagi mengkaji perbezaan yang terdapat di antara dua kategori tersebut. Sekolah-sekolah yang dipilih tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai dan Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Ulu Tebrau.

### **10.0 Populasi dan Sampel**

Populasi kajian ini merupakan remaja di peringkat usia lingkungan 16 hingga 17 tahun; yang terdiri dari remaja lelaki dan perempuan. Remaja yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah sekitar Johor Bahru. Jumlah pelajar yang akan dilibatkan adalah seramai seratus orang responden daripada kedua-dua buah sekolah menengah yang dikaji.

Dalam kajian yang dijalankan ini, sampel terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah yang terdapat di sekitar Johor Bahru yang terbahagi kepada kategori bandar dan luar bandar. Sekolah yang dimaksudkan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai dan Sekolah Menengah Kebangsaan LKTP Ulu Tebrau.

### **11.0 Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dilakukan untuk menguji semula kesahihan serta kebolehpercayaan item-item yang telah dipilih dalam borang soal selidik sebelum sesuatu kajian dijalankan. Untuk itu, 20 orang responden telah dipilih daripada populasi secara rawak mudah kelompok di mana 10 orang responden adalah daripada sekolah bandar dan 10 orang responden berikutnya daripada sekolah menengah luar bandar yang dijalankan di beberapa buah sekolah menengah sekitar Johor Baharu.

Data-data dikumpul melalui borang soalselidik yang diedar dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer "*Statistical Package Science (SPSS) for Windows Version 10.0*". Hasil daripada analisis yang diperolehi mendapati tahap kebolehpercayaan (*Alpha Croanbach*) item-item daripada borang soalselidik Bahagian B yang diedar ialah 0.7, manakala item-item Bahagian C iaitu Ujian Personaliti yang diadaptasi daripada Inventori Personaliti Sidek memperoleh alpha 0.6.

### **12.0 Penganalisan Data**

Semua data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan Program *Statistical Pacakage for Social Sciences ( SPSS ) for Windows Version 10.0*. Aras signifikan yang dipilih ialah  $p < / 0.01$ . Data-data yang diperolehi, dianalisa dengan menggunakan perisian komputer SPSS yang melibatkan beberapa aspek seperti

statistik deskriptif iaitu peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai,. korelasi pearson dan ujian-t

### 13.0 DAPATAN KAJIAN

#### **Rumusan Hubungan Di Antara Sejarah Silam Dengan Perkembangan Personaliti Di Kalangan Pelajar Bandar dan Luar Bandar Yang Dikaji**

Pengaruh sewaktu zaman kanak-kanak sehingga peralihan ke zaman remaja merupakan faktor penting dalam perkembangan individu itu; yakni dari pengaruh ibubapa, keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan seterusnya persekitaran dari hari ke hari sehinggalah ke hari ini.

Jadual 1: Analisis ujian korelasi di antara faktor-faktor sejarah silam yang memberi pengaruh terhadap perkembangan personaliti

<b>Faktor Sejarah Silam</b>	<b><i>r</i></b>	<b><i>p</i></b>
Keluarga	0.088	0.384
Rakan	-0.301	0.002
Sekolah	-0.287	0.004
Persekitaran	-0.235	0.018

Signifikan pada aras 0.01  
N= 100

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai hubungan di antara sejarah silam terhadap perkembangan personaliti pelajar berdasarkan jenis-jenis personaliti tertentu mempunyai hubungan yang lemah dan bersifat songsang.

Berdasarkan keempat-empat faktor sejarah silam yang dikaji iaitu pengaruh keluarga, rakan, sekolah dan persekitaran didapati bahawa faktor rakan dengan nilai *r* iaitu -0.301 paling tinggi berbanding faktor-faktor lain dengan nilai *p* ialah 0.002. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor sejarah silam dengan perkembangan personaliti pelajar namun hubungan di antara kedua-dua pembolehubah adalah lemah dan songsang.

Jadual 2: Analisis ujian korelasi di antara sejarah silam dengan jenis personaliti yang dikaji

<b>Jenis Personaliti</b>	<b><i>r</i></b>	<b><i>p</i></b>
Agresif	-0.134	0.183
Ekstroversi	-0.18	0.855
Introversi	-0.47	0.645
Kritik diri	-0.109	0.282
Sokongan	-0.342	0.000

Signifikan pada aras 0.01  
N=100

Manakala jadual 2 menunjukkan hubungan di antara sejarah silam dengan jenis personaliti yang dikaji pula mendapati personaliti jenis sokongan mempunyai hubungan yang lebih tinggi berbanding jenis personaliti yang lain dengan nilai *r* ialah -0.342 dan nilai *p* ialah 0.000. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di

antara sejarah silam dengan personaliti sokongan namun hubungan di antara kedua-dua pembolehubah adalah lemah dan songsang.

Jadual 3: Hasil analisis ujian-t berdasarkan tahap hubungan dengan penempatan pelajar

Pembolehubah	t	Signifikan
Hubungan	1.433	0.234

Signifikan pada aras 0.05

Berdasarkan jadual 3, jika dilihat dari segi perbezaan hubungan pengaruh sejarah silam dengan perkembangan personaliti pelajar, hasil dapatan menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.234. Nilai yang diperolehi ini adalah lebih besar dari aras signifikan 0.05, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara hubungan sejarah silam dengan perkembangan personaliti di antara pelajar bandar dan luar bandar yang dikaji.

Ini menunjukkan bahawa di antara pelajar bandar dan luar bandar mempunyai pengaruh sejarah silam yang sama dalam perkembangan personaliti masing-masing.

### **Kesimpulan**

Perkembangan tahap mentaliti, kognitiviti dan personaliti remaja atau pelajar perlu diberi perhatian walaupun zahirnya ia kelihatan seperti satu fitrah semulajadi seseorang itu. Namun, sendainya ia dipandang remeh tanpa sebarang tindakan susulan dan berpanjangan, aspek perkembangan tersebut sebenarnya merupakan satu titik awal bermulanya gangguan-gangguan terhadap perkembangan personaliti anak-anak.

Dengan mempunyai personaliti yang sihat dan sempurna, maka sebenarnya kita telah berjaya memiliki satu kekuatan diri untuk menjadi benteng daripada sebarang anasir jahat yang ingin mempengaruhi atau menguasai diri dari melakukan tindakan atau perkara yang negatif.

### **Cadangan**

Berikut merupakan beberapa cadangan yang dirasakan dapat membantu menjawab persoalan ini:

#### **Institusi Kekeluargaan**

Walaupun dapatan kajian menunjukkan keluarga tidak menyumbang pengaruh yang besar dalam perkembangan personaliti pelajar, namun sebagai orang yang paling hampir dan signifikan dengan pelajar itu sendiri maka keluarga memainkan peranan yang penting dalam menangani atau mengawal faktor-faktor dan gejala yang berlaku di sekitar remaja yang mempengaruhi perkembangan kognitiviti dan sahsiah remaja itu sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan faktor rakan menyumbang pengaruh yang paling tinggi berbanding faktor-faktor lain yang dikaji. Namun begitu, faktor-faktor lain iaitu sekolah dan persekitaran juga perlu dititikberatkan. Bagi menangani atau mengawal sebarang kesan negatif yang terhasil daripada sejarah silam kanak-kanak dengan pengaruh rakan, sekolah dan persekitaran maka di sinilah bermulanya peranan keluarga samada ibubapa mahupun ahli-ahli keluarga yang lain.

1. Ibubapa perlu meneliti semula dan memperbaiki cara mereka berkomunikasi dengan anak-anak dan mengambil berat terhadap keperluan anak-anak samada fisiologi, keselamatan, kasih-sayang serta keperluan-keperluan lain yang sewajarnya diberikan kepada anak-anak terutamanya bagi anak-anak yang baru meningkat usia bagi memastikan mereka mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi dan ini akan membuatkan mereka berasa yakin untuk berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan rakan-rakan, masyarakat dan persekitaran.
2. Ibubapa perlu perihatin dengan siapa anak-anak mereka bergaul dan berkawan bagi mengelakkan anak-anak bertingkh laku negatif yang tidak didiingini kesan daripada pengaruh rakan-rakan. Ibubapa juga perlu peka dengan apa yang berlaku di sekeliling anak-anak mereka samada unsur budaya mahupun arus media massa terutamanya yang dibawa dari Barat yang kini memang sukar dibendung. Ibubapa perlu bijak mengawal pengaruh ini dari mempengaruhi perkembangan mental dan sahsiah anak-anak.

## **2 Sistem Pendidikan**

Sekolah dan guru-guru merupakan agen kedua terpenting selepas ibubapa atau keluarga yang berperanan sebagai pendidik kepada anak-anak. sebagai orang kedua yang memberi didkan dan “modelling” kepada anak-anak di awal perkembangan mereka, guru-guru perlulah:

1. Guru perlu menunjukkan diri mereka sebagai *role-model* yang terbaik serta berjaya menjadi ikutan dan inspirasi kepada pelajar. Mereka perlu bersikap positif dan terbuka dalam berkomunikasi dengan pelajar dan dalam masa yang sama menanamkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar yang baru meningkat usia.
2. Peka dan mengambil perhatian terhadap permasalahan pelajar termasuk tingkh laku dan personaliti selain akademik. Guru kemudian perlu memperbaiki mutu perkhidmatan kaunseling bagi meningkatkan trait-trait positif pelajar. Trait-trait positif boleh dipupuk secara langsung dan tidak langsung. Aktiviti perkembangan sahsiah pelajar hendaklah diatur dari masa ke semasa melalui aktiviti PRS, kaunseling individu dan kaunseling kelompok.

## **2 Masyarakat**

1. Perlu wujud kerjasama yang berpanjangan di antara anggota masyarakat dari pelbagai peringkat dalam menghadapi dan menangani segala pengaruh negatif dan cabaran yang berlaku yang memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan kognitiviti remaja sebagai generasi masa depan yang berharga untuk masyarakat dan negara.



### **3 Kenegaraan**

1. Kementerian perlu mementingkan dan menekankan hal keagamaan dalam kurikulum sekolah agar pelajar-pelajar dapat menghayati nilai-nilai agama yang sebenarnya dan dapat menangkis pengaruh negatif di sekitar mereka. Kurikulum sekular yang digunakan perlu diubahsuai selaras dengan matlamat untuk melahirkan pelajar yang beriman dan bertaqwa.
2. Kementerian sepatutnya mengawal dan memperbaharui sistem penyiaran media massa dan elektronik bagi menapis dan menyekat unsur-unsur negatif meracuni pemikiran dan perkembangan diri remaja dan masyarakat amnya.
3. Melancarkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang menarik minat remaja untuk turut serta bagi mengisi kekosongan masa dari terus terabai sia-sia.

#### **Cadangan Lanjutan**

Dalam kajian yang akan datang, penyelidik mengemukakan beberapa usaha yang boleh dilakukan untuk masa hadapan agar kajian yang dihasilkan lebih bermutu dan memuaskan semua pihak seperti berikut:

1. Skop kajian perlu diluaskan untuk mendapat hasil yang lebih jelas dari pelbagai aspek. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah menengah sekitar Johor Baharu. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kajian yang sama dibuat di tempat-tempat lain, di mana hasilnya dapat dibandingkan dengan kajian ini samada menyokong atau menolak dapatan kajian ini.
2. Sasaran responden perlu dijalankan ke peringkat usia yang lebih matang lagi untuk mendapat keputusan yang lebih jelas seperti peringkat institusi pengajian tinggi. Penekanan yang lebih juga perlu dijalankan kepada sasaran kumpulan yang bermasalah dari segi personalitinya untuk melihat hasil yang lebih memuaskan.
3. Pelbagaikan lagi jenis personaliti yang ingin dikaji dan dikaitkan dengan sejarah silam untuk melihat tahap hubungan yang lebih jelas. Soalan kajian boleh dimantapkan lagi dengan memfokus pada satu teori tertentu agar lebih mudah difahami.

#### **BIBLIOGRAFI**

Abdullah Hassan dan Rakan (1997). "Daya Pengaruh dan Perubahan Sikap." Kuala Lumpur: Publication and Distribution.

Adler, A. (1963). "The practice and Theory of Individual Psychology." Paterson, N. J.: Littlefields, Adams.

- Al-Ghazali, Imam (1971). "Ihya Ulumuddin." Jilid 3 (Terjemahan) Maisir, Hamidy dan Hanifah. Medan: Indonesia.
- Allport, C. W. (1961). "Patten of Crowth in Personality." New York: Rinehart and Winston.
- Amir Awang (1984). "Pengantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia." Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Amina Hj. Noor (1997). "Remaja: Mengenal Diri." Kuala Lumpur: Darul Naim.
- Azlina Kosnin (1998). "Teori-Teori Personaliti." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Barbara Engler (1985). "Personality Theories." U. S. A.: Houghton Mifflin Company.
- "Collins Cobild Learner's Dictionary" (1996). London Harper Collins Publishers.
- C. R. Rogers (1951). "Client-Centered Therapy." Bonston: Houghton Mifflin.
- Farminah Bte Hasan (1999). "Hubungkait Trait-Trait Personaliti Dengan Kecerdasan Mental Remaja." Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Freud, S. (1949). "An Outline of Psychoanalysis." New York: Norton.
- Grace J. Craig (1976). "Human Development." New Jersey : By Prentice- Hal, Inc Englewood Cliffs,.
- Havighurst, R. HJ (1953) "Human Development and Education." New York: Longmans, Green.
- Ibnu Yusof (1993). "Mengenal Lelaki Dari Berbagai Sudut Ilmiah." Kelantan: Al-Kafilah Enterprise.
- Irving L. Janis, George F. Mahl, Jerome Kagan & Robert R. Holt (1969). "Personality: Dynamics, Development and Assessment." New York: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Iskandar, Teuku (1984). "Kamus Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jung, C. G. (1928). 'Contribution to Analytic Psychology.' New York: Harcourt.
- Kamal Abd. Manaf (1996). "Manusia dan Personaliti: Membentuk Insan Yang Sempurna." Kuala Lumpur: Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan.

- Kasmi Kassim (1993). "Memahami Jiwa Kanak-Kanak (2)." Selangor: Kefarina Holdings Sdn. Bhd.
- Maslow, A. (1971). "The Farther Reaches of Human Nature." New York: Viking.
- Mavis Janang (1999). "Hubungkait Trait-Trait Personaliti Dengan Kecerdasan Mental Pelajar." Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1994). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Najib B. Hj. Rahman (1992). "Personaliti Pelajar Yatim di Terengganu". Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Sa'adah Bte Royani (1999). "Hubungan Di Antara Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Pelajar." Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor 'Ain Bte Sujak (1999). "Hubungan Masalah Tingkah Laku Dengan Pencapaian Akademik Pelajar." Projek Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nunnaly, C. J. (1967). "Psychometric Theory." Singapore. Graham Biashe (Pte) Ltd.
- Rahmat Ismail dan Rakan (1992). "Kemahiran Kekeluargaan; Menjadi Ibubapa Cemerlang." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd. Noah (1998). "Penilaian Dalam Kaunseling." Serdang: Univeristi Putra Malaysia.
- Siti Rahayu Haditono dan Rakan-rakan (1989). "Psikologi Perkembangan; Pengantar dalam Berbagai Bagiannya." Yogyakarta: University Gadjah Mada.